Goh Cheng Kum dan satu lagi lwn Acepoint Venture Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 22NCVC-78–01 TAHUN 2012
ROSLAN BAKAR PK
13 JUN 2016

Prosedur Sivil — Penggantungan pelaksanaan penghakiman — Permohonan — Mahkamah membenarkan tuntutan ganti rugi plaintif-plaintif — Defendan-defendan membuat rayuan atas penghakiman mahkamah — Defendan-defendan memohon perintah penggantungan pelaksanaan sementara menunggu pelupusan kes rayuan — Sama ada terdapat keadaan khas bagi menyokong permohonan penggantungan pelaksanaan

Dalam perbicaraan utama, plaintif-plaintif menuntut daripada defendan-defendan ganti rugi atas sebab pemecahan kontrak, salah nyataan ('misrepresentation'), frod, 'breach of fiduciary duty' dan kecuaian yang dilakukan oleh defendan-defendan dalam transaksi mengambil alih saham-saham plaintif-plaintif dalam defendan kedua dan defendan ketiga. Mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif-plaintif dan memerintahkan agar defendan-defendan membayar sejumlah RM52,956,000 dan kos sebanyak RM1,537,357. Defendan-defendan telah memfailkan rayuan atas keputusan tersebut. Selain daripada keputusan tersebut, plaintif-plaintif juga telah berjaya mendapatkan injunksi mareva bagi menghalang saham-saham di dalam defendan kedua diurusniagakan oleh defendan-defendan. Seterusnya, plaintif-plaintif juga telah berjaya dalam permohonan mereka untuk mendapatkan 'charging order' terhadap saham-saham dalam defendan kedua. Tindakan ini telah difailkan oleh defendan pertama, kedua dan kelapan bagi mendapatkan perintah penggantungan pelaksanaan terhadap keputusan mahkamah sementara menunggu pelupusan kes rayuan plaintif-plaintif di Mahkamah Rayuan. Isu untuk ditentukan dalam kes ini adalah sama ada defendan pertama, kedua dan kelapan mempunyai keadaan khas ('special circumstances') bagi menyokong permohonan pergantungan pelaksanaan sehingga kes ini diputuskan dan dilupuskan oleh Mahkamah Rayuan.

Diputuskan, membenarkan permohonan defendan-defendan dengan kos dalam kausa:

(1) Adalah menjadi satu keperluan untuk pemohon menunjukkan kewujudan keadaan khas bagi membolehkan mahkamah memberikan perintah penggantungan pelaksanaan. Memandangkan plaintif-plaintif telah pun berjaya mendapatkan 'charging order', pastinya tindakan

seterusnya adalah untuk melupuskan saham-saham tersebut. Dan jika saham-saham ini telah dijual, adalah menjadi sukar untuk defendan-defendan mengekalkan jumlah aset syarikat dan seterusnya menjejaskan dan melumpuhkan operasi kilang defendan kedua. Keadaan ini akan menyebabkan defendan-defendan mengalami 'irreparable damage'. Mahkamah berpuas hati dan berpendapat ini adalah merupakan satu faktor yang termasuk dalam keadaan khas bagi membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara bagi membenarkan permohonan perintah penggantungan pelaksanaan sehingga rayuan di Mahkamah Rayuan dilupuskan sepenuhnya (lihat perenggan 32, 35(a) & 37).

[English summary

In the main trial, the plaintiffs claimed against the defendants for damages on the grounds of breach of contract, misrepresentation, fraud, breach of fiduciary duty and negligence committed by the defendants in an acquisition of the plaintiffs' shares transaction in the second and third defendants. The court allowed the plaintiffs' claim and ordered the defendants to pay RM52,956,000 and costs of RM1,537,357. The defendants filed an appeal against the said decision. Aside the decision, the plaintiff, the plaintiffs successfully obtained a mareva injunction to restrain the shares in the second defendant from being transacted by the defendants. Subsequently, the plaintiff was successful in their application to obtain the charging order against the shares in the second defendant. This action was filed by the first, second and eighth defendant to obtain stay proceedings for execution against the decision of the court pending the disposal of the plaintiff's appeal in the Court of Appeal. The issue to be determined in this case was whether the first, second and eights defendants had special circumstances to support the application of stay if execution until this case is decided and disposed by the Court of Appeal.

Held, allowing the defendants' application with costs in cause:

(1) It is a requirement for the applicant to establish special circumstances to enable the court to issue an order of stay of execution. Since the plaintiffs successfully obtained a charging order, the next action would surely be to dispose the said shares. And if the shares were sold, it would be difficult for the defendants to maintain the number of company's assets and next jeopardise and freeze the operations of the second defendant's factory. This situation caused the defendants to suffer from 'irreparable damage'. The court was satisfied and was of the opinion that this was a factor that fell under special circumstances to enable the court to use its discretion to allow the application for stay of execution pening full disposal by the Court of Appeal (see paras 32, 35(a) & 37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 8416-8475.

Kes-kes yang dirujuk

Che Wan Development Sdn Bhd v Co-Operative Central Bank Bhd [1989] 3 MLJ 40, MT (dirujuk)

Government of Malaysia v Datuk Haji Kadir Mohamad Mastan and Another Case [1993] 3 MLJ 514; [1993] 4 CLJ 98, MT (dirujuk)

Kerajaan Malaysia v Jasanusa Sdn Bhd [1995] 2 MLJ 105; [1995] 2 CLJ 701, MA (dirujuk)

Kong Thai Saw Mill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2), Re [1976] 1 MLJ 131, MP (dirujuk)

Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi SerbaUsaha Makmur Bhd [2004] 1 MLJ 257, MP (dirujuk)

Ming Ann Holdings Sdn Bhd v Danaharta Urus Sdn Bhd [2002] 3 MLJ 49, MR (dirujuk)

Monk v Bartram [1891] 1 QB 346, MR (dirujuk)

Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin [2000] 5 MLJ 391, MT (dirujuk)

Serangoon Garden Estate Ltd v Ang Keng [1953] MLJ 116 (dirujuk)

Zasalim Development Sdn Bhd v Lum Siew & Sons Sdn Bhd [2002] 7 MLJ 119, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 45 k 11

David Morais (Anantha Krishnan, Cheng Mai dan Karyn Khoo bersamanya) (Anantha Krishnan) bagi pihak plaintif-plaintif.

Malik Imtiaz Sarwar (Ramesh Kanapathy, Lynn Johnson dan Chan Wei Sun bersamanya) (Chellam Wong) bagi pihak defendan pertama hingga kedua dan kelapan.

Roslan Bakar PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah permohonan dari defendan pertama, defendan kedua dan defendan kelapan (kesemua defendan ini adalah pemohon) bagi mendapatkan perintah penggantungan pelaksanaan ('lampiran 432') terhadap keputusan mahkamah ini yang telah membenarkan tuntutan plaintif pertama dan plaintif kedua terhadap defendan-defendan.

[2] Dalam kes tersebut, mahkamah pada 10 Ogos 2015 telah membenarkan tuntutan pihak plaintif dan memerintahkan defendan-defendan membayar tuntutan sejumlah RM52,956,000 dan kos sebanyak RM1,537,357.

FAKTA KES

[3] Plaintif pertama adalah bekas pengurus, CEO dan pemegang 40% saham dalam defendan kedua. Plaintif pertama juga sebelum ini memegang sebanyak 65% saham dalam defendan ketiga.

[4] Manakala plaintif kedua pula sebelum ini adalah pemegang 35% saham dalam defendan ketiga.

[5] Defendan pertama adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh defendan kelapan dan seorang lain. Defendan kelapan juga menjadi salah seorang pengarah dalam defendan pertama. Defendan pertama digunakan sebagai *special purpose vehicle* ('SPV') bagi mengambil alih saham-saham yang dipegang oleh plaintif pertama dan kedua dalam defendan kedua dan ketiga.

[6] Defendan kedua adalah sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam proses *hot-dip galvanising* keluli iaitu menjalankan operasi menyelaput keluli dengan lapisan khas bagi mencegah kikisan untuk memelihara hayat keluli. Defendan kedua mempunyai dua buah kilang bagi menjalankan operasi ini.

[7] Defendan ketiga adalah sebuah syarikat yang membekalkan bahan-bahan mentah kepada defendan kedua dan juga mengumpul sisa-sisa bahan mentah bagi kitaran semula dari defendan kedua.

[8] Defendan kelapan adalah salah seorang pemilik dan pengarah defendan pertama.

[9] Dalam perbicaraan utama, pihak plaintif menuntut dari defendan-defendan ganti rugi antara lainnya di sebabkan oleh pemecahan kontrak, salahnyataan ('misrepresentation'), frod, *breach of fiduciary duty* dan kecuaian yang berlaku dalam transaksi mengambil alih saham-saham pihak plaintif dalam defendan kedua dan ketiga.

[10] Mahkamah telah membenarkan tuntutan pihak plaintif dan memerintahkan defendan-defendan membayar sejumlah RM52,956,000 dan kos sebanyak RM1,537,357.

[11] Pihak defendan telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan tersebut di Mahkamah Rayuan.

ISU

[12] Sama ada defendan pertama, kedua dan kelapan ('pemohon-pemohon') mempunyai keadaan khas ('special circumstances') bagi menyokong permohonan penggantungan pelaksanaan sehingga kes ini diputuskan dan dilupuskan oleh Mahkamah Rayuan.

KES DEFENDAN PERTAMA, DEFENDAN KEDUA DAN DEFENDAN KELAPAN ('PEMOHON-PEMOHON')

[13] Pihak defendan menghujahkan (juga berdasarkan kepada afidavit sokongan permohonan oleh defendan kelapan yang diikrarkan pada 13 Oktober 2015 dan 13 November 2015), selepas mendapat penghakiman kes berkenaan, pihak plaintif telah berjaya pula dalam permohonan mereka mendapatkan *Mareva injunction* pada 29 Mei 2015. Injunksi ini adalah untuk menghalang saham-saham di dalam defendan kedua di urusniagakan oleh pihak defendan.

[14] Selain dari itu pihak plaintif juga telah berjaya memasukkan kaveat ke atas dua bidang tanah milik defendan kedua (sebelum penghakiman kes ini). Tanah-tanah tersebut masih dalam cagaran dengan Hong Leong Bank untuk satu kemudahan kewangan.

[15] Walaupun kilang defendan kedua masih boleh beroperasi, namun dengan adanya *Mareva injunction* dan kaveat tersebut, ianya telah menjejaskan dan melumpuhkan dengan teruk aliran kewangan defendan kedua dan mendatangkan kerugian dalam menjalankan operasi perniagaan harian.

[16] Pihak defendan menghujahkan bahawa mereka mempunyai kes yang kuat ('merit') dalam rayuan di Mahkamah Rayuan. Jika permohonan penggantungan ini tidak di benarkan dan sekiranya rayuan mereka berjaya di Mahkamah Rayuan, maka keputusan tersebut akan menjadi sia-sia sahaja ('nugatory').

[17] Ini adalah kerana wujud keadaan *irreparable damage* terhadap pihak defendan. Pada masa kini defendan kedua masih beroperasi dalam perniagaannya dan berupaya memperolehi pendapatan. Aset mereka juga pada masa ini dianggarkan bernilai dalam lingkungan RM30 juta (termasuk tanah yang di kaveat dan saham-saham yang terikat dengan *Mareva injunction*). Jika aset ini digunakan bagi menjelaskan penghakiman terhadap pihak plaintif, pihak defendan akan kehilangan segala-galanya di samping nilai aset mereka

tidak mencukupi untuk menyelesaikan penghakiman. Ini sesungguhnya mendatangkan *irreparable damage* terhadap defendan pertama, kedua dan kelapan. A

[18] Selanjutnya pihak defendan menghujahkan bahawa pihak plaintif juga telah berjaya dalam permohonan mereka untuk suatu perintah *charging order* terhadap saham-saham dalam defendan kedua di mahkamah ini ('lampiran 423'). Kesannya akan menyebabkan pihak plaintif mengambil tindakan seterusnya untuk melupuskan saham-saham tersebut. Keadaan ini jika berlaku sebelum rayuan di Mahkamah Rayuan di dengar, akan menyebabkan pihak defendan kehilangan saham-saham tersebut, kekurangan aset untuk beroperasi dan tidak akan memperolehinya semula. B C

[19] Pihak defendan juga menghujahkan bahawa mereka mempunyai peluang yang baik dalam rayuan nanti kerana merit kes menunjukkan memihak kepada mereka. D

[20] Mengenai defendan kelapan, dihujahkan bahawa satu tindakan kebankrapan telah di mulakan terhadap beliau. Keadaan ini juga akan mendatangkan suatu *irreparable damage* terhadap beliau serta defendan pertama dan defendan kedua. E

[21] Pihak defendan juga menghujahkan bahawa pihak plaintif tidak berupaya atau berkemampuan untuk membayar balik semua bayaran penghakiman jika pihak defendan berjaya dalam rayuan di Mahkamah Rayuan nanti. Ini jelas dinyatakan dalam afidavit sokongan defendan kelapan (juga bagi pihak defendan pertama dan kedua) yang diikrarkan pada 13 Oktober 2015. Dalam afidavit tersebut telah dikepilkan sebagai eksibit iaitu 'CTOS Report' yang menunjukan plaintif pertama menjadi pengarah beberapa syarikat dan keuntungan syarikat-syarikat itu hanyalah sebanyak RM41,724. Manakala plaintif kedua tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana syarikat. F G

[22] Cadangan *conditional stay* yang ditawarkan oleh pihak plaintif iaitu memerlukan pihak defendan memasukkan sejumlah RM25,837,357.32 ke dalam satu akaun khas/selamat tidak dapat diterima oleh pihak defendan. Ini adalah kerana pihak defendan tidak mempunyai aliran wang tunai untuk berbuat demikian. H

[23] Sebagai kesimpulannya defendan pertama, kedua dan kelapan menghujahkan bahawa mereka mempunyai dan berjaya menunjukkan wujudnya keadaan khas ('special circumstances') bagi menyokong permohonan penangguhan pelaksanaan ini sehingga rayuan mereka diputuskan dan dilupuskan di Mahkamah Rayuan iaitu: I

(a) aset mereka iaitu dua keping tanah telah dimasukkan kaveat oleh pihak plaintif dan ini menghalang urus niaga dengan tanah-tanah tersebut;

(b) *Mareva injunction* telah diperolehi oleh pihak plaintif bagi menghalang saham-saham dalam defendan kedua diurus niagakan oleh pihak defendan;

(c) *charging order* telah diperolehi terhadap saham-saham tersebut bagi tindakan lanjut untuk pelupusan;

(d) pihak defendan akan mengalami *irreparable damage*;

(e) pihak plaintif tidak berupaya membayar balik jumlah penghakiman kepada pihak defendan jika rayuan di Mahkamah Rayuan dibenarkan;

(f) ada *merit* dalam rayuan di Mahkamah Rayuan; dan

(g) keputusan rayuan jika memihak kepada pihak defendan akan menjadi sia-sia ('nugatory').

[24] Seterusnya pihak defendan menghujahkan pihak plaintif tidak akan mengalami apa-apa prejudis dengan permohonan ini kerana mereka telahpun mendapat suatu *security* terhadap aset-aset pihak defendan.

KES PIHAK PLAINTIF ('RESPONDEN-RESPONDEN')

[25] Pihak plaintif membantah kepada permohonan pihak defendan kerana ini adalah satu penghakiman berbentuk kewangan ('monetary judgment') yang telah dimasukkan setelah mahkamah mendengar kes ini dengan panjang lebar. Sehubungan dengan itu pihak plaintif menghujahkan keputusan mahkamah perlulah dihormati dan pihak plaintif tidak boleh dihalang dari menikmati hasil penghakiman tersebut.

[26] Seterusnya pihak plaintif menghujahkan bahawa pihak defendan telah gagal menunjukan bahawa mereka (pihak defendan) mempunyai keadaan khas ('special circumstances') bagi permohonan penggantungan pelaksanaan ini.

[27] Bagi menyokong penghujahan tersebut, pihak plaintif memberikan alasan-alasan berikut:

(a) isu kemungkinan berlakunya *irreparable harm* kepada defendan kedua dan kelapan:

(i) terhadap defendan kedua

Perintah injunksi tidak dimasukkan terhadap defendan kedua dan apa-apa tindakan pelaksanaan hanya akan dibuat terhadap defendan kelapan dan saham-saham defendan pertama yang berada dalam defendan kedua. Sehubungan

dengan itu defendan kedua masih boleh beroperasi dan menjalankan perniagaannya.

Di samping itu, defendan pertama dan kedua telah gagal mengemukakan butir-butir kesusahan kewangan seperti penyata kewangan, aset-aset, liabiliti dan sebagainya yang berkemungkinan akan di sebabkan oleh pelaksanaan penghakiman.

Juga dihujahkan defendan kedua bukanlah *judgment debtor* dalam tindakan ini tetapi adalah satu subsidiari kepada defendan pertama dan dikawal oleh defendan pertama dan kelapan. Apa-apa tindakan pelaksanaan hanyalah terhadap defendan pertama dan kelapan. Ini tidak akan secara langsung menjejaskan dan memberi kesan kepada aktiviti operasi atau perniagaan defendan kedua; dan

(ii) tindakan prosiding kebankrapan terhadap defendan kelapan

Adalah dihujahkan oleh pihak plaintif bahawa tindakan prosiding bankrupsi terhadap defendan kelapan bukanlah suatu keadaan yang termasuk dalam keadaan khas ('special circumstances') yang diiktiraf oleh undang-undang. Tiada apa-apa keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah berhubung dengan keupayaan kewangan defendan kelapan yang mana berkemungkinan beliau boleh menyelesaikan penghakiman terhadapnya bagi mengelakkan tindakan prosiding kebankrapan.

Sehubungan dengan itu, dihujahkan pihak defendan tidak mungkin akan mengalami *irreparable harm;*

(b) ketidakupayaan pihak plaintif membayar balik jumlah penghakiman jika rayuan pihak defendan di Mahkamah Rayuan berjaya.

Pihak plaintif menghujahkan tiada keterangan yang ditunjukkan bagi menyokong kenyataan tersebut. Pihak plaintif telah mengemukakan beberapa nas undang-undang yang memutuskan bahawa *proverty* bukanlah suatu keadaan dalam keadaan khas ('special circumstances'):

(i) *Zasalim Development Sdn Bhd v Lum Siew & Sons Sdn Bhd* [2002] 7 MLJ 119;

(ii) *Sarwari a/p Ainuddin v Abdul Aziz a/l Ainuddin* [2000] 5 MLJ 391; dan

(iii) *Che Wan Development Sdn Bhd v Co-Operative Central Bank Bhd* [1989] 3 MLJ 40.

Selain dari itu pihak defendan tidak langsung menawarkan apa-apa

bayaran setelah mahkamah memberikan penghakiman kepada pihak plaintif. Oleh yang demikian pihak plaintif tiada pilihan selain dari memulakan prosiding pelaksanaan. Ini adalah kerana pihak plaintif berhak menikmati hasil dari litigasi mereka;

(c) kesusahan dan kesukaran yang mungkin di alami oleh pihak defendan bukanlah suatu keadaan khas ('special circumstances').

Pihak plaintif telah mengemukakan nas undang-undang berhubung dengan kenyataan tersebut:

(i) *Ming Ann Holdings Sdn Bhd v Danaharta Urus Sdn Bhd* [2002] 3 MLJ 49;

(ii) *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi SerbaUsaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 (FC); dan

(iii) *Zasalim Development Sdn Bhd*.

Selanjutnya pihak plaintif menghujahkan bahawa pihak defendan telah gagal mengemukakan apa-apa dokumen atau data bagi membuktikan mereka akan mengalami kesukaran dan kesusahan akibat dari pelaksanaan penghakiman;

(d) merit kepada sesebuah kes rayuan bukanlah suatu keadaan khas ('special circumstances').

Ini telah jelas diputuskan dalam kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd*;

(e) A 45 k 11 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (perkara-perkara yang timbul selepas penghakiman)

Pihak plaintif menghujahkan perkara ini tidak di timbulkan dalam afidavit sokongan pihak defendan. Mereka hanya menyentuh secara ringkas sahaja tentang perkara-perkara yang timbul selepas penghakiman iaitu *charging order*.

Adalah dihujahkan *charging order* ini adalah untuk saham-saham defendan pertama di dalam defendan kedua. Ianya bukanlah suatu pelaksanaan sebenar tetapi ianya adalah suatu proses yang berasingan. Juga ianya tidak menjejaskan proses operasi dan perniagaan harian defendan kedua.

Aturan 45 k 11 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dihujahkan sebagai bukannya salah satu keadaan khas ('special circumstances'); dan

(f) isu keputusan rayuan akan menjadi sia-sia ('nugatory').

Semua hujahan di atas tidak langsung akan menyebabkan keputusan rayuan (jika sekiranya memihak kepada pihak defendan) akan menjadi sia-sia ('nugatory').

[28] Selanjutnya pihak plaintif menghujahkan bahawa mereka tidak seharusnya di halang dari menikmati hasil litigasi dengan membenarkan permohonan pihak defendan ini. Permohonan pihak defendan ini jika dibenarkan akan menjadi satu lagi beban kepada plaintif. Pihak defendan juga telah membuat rayuan untuk mengenepikan perintah *mareva injunction* yang diperolehi plaintif sebelum ini.

[29] Keadaan ini adalah jelas bahawa pihak defendan tidak *bona fide* dan cuba mengelak dari membayar jumlah penghakiman kepada pihak plaintif. Di atas imbangan keadilan, ianya adalah memihak kepada pihak plaintif.

[30] Sehubungan dengan itu pihak plaintif memohon agar permohonan penggantungan pelaksanaan ini di tolak dengan kos.

ANALISA DAN PENEMUAN MAHKAMAH

[31] Dalam memutuskan permohonan penggantungan pelaksanaan, mahkamah ini adalah berpandukan kepada prinsip yang dinyatakan oleh Brown J dalam kes *Serangoon Garden Estate Ltd v Ang Keng* [1953] MLJ 116:

> But it is a clear principle that the court will not deprive a successful party of the fruits of his litigation until an appeal is determined, unless the unsuccessful party can shew special circumstances to justify it.

[32] Dalam beberapa kes lain juga telah ditegaskan bahawa adalah menjadi satu keperluan untuk pemohon menunjukan keujudan keadaan khas ('special circumstances') bagi membolehkan mahkamah memberikan perintah penggantungan pelaksanaan. Kes-kes tersebut adalah:

> *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serba Usaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 (FC);
>
> *Re Kong Thai Saw Mill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2)* [1976] 1 MLJ 131 (FC); dan
>
> *Kerajaan Malaysia v Jasanusa Sdn Bhd* [1995] 2 MLJ 105; [1995] 2 CLJ 701 (FC).

[33] Definisi keadaan khas ('special circumstances') telah diberikan dalam kes *Government of Malaysia v Datuk Haji Kadir Mohamad Mastan and Another Case* [1993] 3 MLJ 514 pada ms 513; [1993] 4 CLJ 98 pada ms 101–102:

> An attempt was made to define special circumstances by Raja Azlan Shah (as His Majesty then was) in the case of *Leong Poh Shee v Ng Kat Chong* [1966] 1 MLJ 86, viz:
>
> > Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be

A something exceptional character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common.

[34] Dalam kes yang sama juga dinyatakan bahawa keadaan khas ini wujud bergantung kepada fakta kes itu sendiri dan senarai faktor-faktor yang menyebabkan keadaan khas adalah banyak dan terus menerus bertambah.

B

The definition only serves to emphasise the fact that there are myriad circumstances that could constitute special circumstances with each case depending on its own facts. I am of the opinion that the list of factors constituting special circumstances is infinite and could grow with time. Any attempt to limit the list or close a category would be to impose a fetter on the exercise of the discretion of the court whether to grant or stay an execution; making the discretion less of a discretion. This is surely not what discretion is all about.

C

D **[35]** Mahkamah telah meneliti kepada alasan-alasan dalam permohonan pihak defendan bagi mendapatkan satu perintah penggantungan pelaksanaan:

(a) pihak defendan mengalami *irreparable damage*

Berhubung dengan alasan ini, mahkamah mendapati setelah pihak plaintif mendapat penghakiman terhadap pihak defendan, mereka telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

E

(i) berjaya mendapatkan perintah *mareva injunction* bagi menghalang pihak defendan dari mengurusniagakan saham-saham defendan kedua yang dipegang oleh defendan pertama; dan

F

(ii) berjaya mendapatkan *obsolute charging order* bagi saham-saham berkenaan yang mana bertujuan untuk dilupuskan atau proses pelaksanaan.

Dengan adanya perintah *mareva injunction* ini, pihak defendan telah mengalami kesusahan dan kesukaran kewangan dalam aliran tunai bagi meneruskan operasi harian kilang. Mereka terpaksa menggunakan wang tunai dalam operasi harian. Saham-saham mereka telah dibekukan dan mereka tidak boleh membuat urusniaga dengannya bagi mendapatkan sumber kewangan tambahan.

G

Memandangkan pihak plaintif telah pun berjaya mendapat *obsolute charging order*, pastinya tindakan seterusnya adalah untuk melupuskan saham-saham tersebut. Dan jika saham-saham ini telah dijual, adalah menjadi sukar untuk pihak defendan mengekalkan jumlah aset syarikat dan seterusnya menjejaskan dan melumpuhkan operasi kilang defendan kedua. Keadaan ini akan menyebabkan pihak defendan mengalami *irreparable damage.*

H

Mahkamah berpuas hati dan berpendapat ini adalah merupakan satu faktor yang termasuk dalam keadaan khas ('special circumstances') bagi membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara bagi membenarkan permohonan perintah penggantungan pelaksanaan;

I

(b) keputusan rayuan akan menjadikan sia-sia ('nugatory') jika ianya

memihak kepada pihak defendan

Mahkamah berpendapat jika sekiranya pihak defendan berjaya dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan, maka seharusnya keputusan tersebut akan menjadi sia-sia ('nugatory') berdasarkan kepada alasan-alasan di atas;

(c) tindakan prosiding kebankrapan terhadap defendan kelapan

Mahkamah berpendapat ini adalah satu isu yang berbeza dan bukannya satu isu yang termasuk dalam keadaan khas;

(d) ada merit dalam rayuan di Mahkamah Rayuan dan ada peluang untuk pihak defendan berjaya dalam rayuan tersebut

Bagi alasan ini mahkamah memutuskan bahawa ianya bukanlah satu keadaan untuk pertimbangan mahkamah. Ini adalah selaras dengan prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Re Kong Thai Saw Mill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2)* [1976] 1 MLJ 131 (FC) di mana di ms 132 Lee Hun Hoe CJ (Borneo) berkata:

> Allegations that there has been misdirection that the verdict of judgment was against the weight of evidence, or that there was no evidence to support the verdict or judgment, are not special circumstances on which the court will grant the application.

Mahkamah Persekutuan telah menggunapakai prinsip berkenaan yang telah diutarakan dalam kes *Monk v Bartram* [1891] 1 QB 346. Begitu juga dalam kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v Koperasi Serba Usaha Makmur Bhd* [2004] 1 MLJ 257 (FC) di mana Mahkamah Persekutuan setelah merujuk kepada prinsip dalam kedua-dua kes berkenaan, telah menyatakan:

> It is therefore unnecessary for me to consider the merits of the respective case of the applicants and respondents.

(e) ketidak-upayaan pihak plaintif membayar balik jumlah penghakiman jika rayuan pihak defendan di Mahkamah Rayuan berjaya.

Mahkamah telah meneliti dokumen 'CTOS Report' yang telah di eksibitkan oleh defendan kelapan dalam afidavit sokongannya (rujuk hujahan pihak defendan di atas). Dalam laporan tersebut dicatitkan plaintif pertama menjadi pengarah/pemegang saham kepada empat buah syarikat dan salah sebuah syarikat itu hanya memperolehi keuntungan sebanyak RM41,724. Mahkamah berpendapat laporan ini tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa pihak plaintif tidak akan mampu membayar balik jumlah penghakiman jika rayuan di Mahkamah Rayuan dibenarkan nanti.

Mahkamah telah menggunakan prinsip dalam kes *Zasalim Development Sdn Bhd v Lum Siew & Sons Sdn Bhd* [2002] 7 MLJ 119 di mana di

ms 152, Abdul Malik Ishak J berkata:

> Of course, it goes without saying that the alleged proverty of the plaintiff itself does not suffice as special circumstances except where it can be shown that there is no reasonable probability of getting the money back if the defendant succeeds in its appeal. Here, the defendant must adduce affidavit evidence to that effect ...

[36] Setelah meneliti kepada kes kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa:

(a) pihak defendan telah menunjukan bahawa terdapat suatu keadaan khas ('special circumstances') di mana menjustifikasikan perintah penggantungan pelaksanaan;

(b) keadaan itu adalah berkaitan dengan pelaksanaan penghakiman; dan

(c) keadaan tersebut ada diikrarkan dalam afidavit sokongan.

KEPUTUSAN

[37] Atas ulasan-ulasan dan alasan-alasan di atas, mahkamah dengan ini membenarkan permohonan pihak defendan ('lampiran 432') untuk satu perintah penggantungan pelaksanaan sehingga rayuan di Mahkamah Rayuan dilupuskan sepenuhnya.

[38] Kos adalah dalam kausa.

Permohonan defendan-defendan dibenarkan dengan kos dalam kausa.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar